



Online Trading ke atas Item Ribawi: Satu Tinjauan Awal

NUR ADILAH AMIRUDDIN NAZIRAH HAMDAN, NOOR AIN MOHD NOOR dan
MOHAMAD FIRDAUS MOHAMAD SABARI

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia
adilah@uitm.edu.my, nazirahhamdan@uitm.edu.my, noorain89@uitm.edu.my
& firdaussabari@uitm.edu.my

Received: July 21, 2023

Accepted: September 07, 2023

Online Published: October 26, 2023

Abstrak

Online Trading merupakan transaksi perdagangan yang dilakukan secara atas talian tanpa mendapatkan barangan secara fizikal. Contohnya transaksi perdagangan emas di atas talian melalui *broker* tertentu yang sememangnya tidak menyediakan sebarang bentuk emas fizikal. Transaksi tersebut dilakukan hanya untuk mendapatkan keuntungan atas perubahan harga semata-mata. Aktiviti sebegini telah menjadi *trend* dalam kalangan masyarakat kerana mampu memberi keuntungan besar dalam jangka masa yang pendek. Namun, perlu diketahui bahawa terdapat hukum tertentu dalam Islam berkaitan transaksi seumpama ini. Oleh itu, sebelum melibatkan diri dengan aktiviti perdagangan atas talian ini umat Islam perlu mengambil tahu hukum-hukum yang berkaitan dengannya. Kajian ini menyasarkan untuk mengkaji serta menghasilkan garis panduan aktiviti perdagangan atas talian menurut perspektif Islam. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan rekabentuk analisis kandungan di mana proses pengumpulan data dilakukan melalui bahan bacaan kemudian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati Islam mengharuskan *Online Trading* dengan tiga syarat utama iaitu tiada unsur riba, *gharar* serta judi dan dalam masa yang sama barang yang didagangkan itu bukanlah barang ribawi. Kajian ini mampu menjadi panduan asas buat umat Islam yang berniat untuk melibatkan diri dengan *Online Trading* agar tidak tersalah langkah memilih perdagangan yang diharamkan dalam Islam.

Kata Kunci: *Online Trading*, Perdagangan, Hukum, Item Ribawi

Online Trading on Ribawi's Items: An Initial Review

Abstract

Online Trading is a trading transaction that is carried out online without getting physical goods. For example, online gold trading transactions through certain brokers who do not provide any form of physical gold. Such transactions are carried out only to benefit from price changes solely. Such activities have become a trend among the community because they can provide huge profits in the short term. However, please note that there are certain laws in Islam regarding such transactions. Therefore, before engaging with this online trading activity Muslims need to take know the laws associated with it. This study aims to study as well as produce guidelines for online trading activities according to an Islamic perspective. This study is a qualitative study that uses a content analysis design where the data collection process is carried out through reading material and then analyzed descriptively. The results of the study found that Islam requires *Online Trading* with three main conditions, namely that there are no elements of riba, *gharar* and gambling and at the same time the goods traded are not usury. This study can be a basic guide for Muslims who intend to engage with *Online Trading* so as not to be mistaken in choosing trading that is forbidden in Islam.

Keywords: *Online Trading*, Trading, Law, Ribawi Items

1. Pengenalan

Online trading atau perdagangan atas talian adalah transaksi jual beli yang dilakukan secara atas talian sahaja yang mana adakalanya proses jual beli tersebut tidak berlaku serahan milik secara fizikal (2021). Perkara seperti ini memerlukan perincian dari sudut pandang Islam kerana terdapat beberapa persoalan dan isu yang telah timbul dalam hal ini berkaitan hukum keharusan atau keharamannya terutamanya apabila melibatkan item ribawi seperti pertukaran



matawang, emas dan lain-lain. Islam adalah sebuah agama yang bersifat syumul di mana pensyariatannya adalah menyeluruh serta merangkumi pelbagai aspek termasuk ekonomi, undang-undang, muamalat, pendidikan dan sebagainya (2022). Hal ini secara tidak langsung telah menggambarkan salah satu ciri keistimewaan serta kebenaran Islam sebagai agama wahyu daripada tuhan. Secara umumnya, sebarang transaksi dalam Islam hendaklah menepati kehendak yang syariat yang telah ditetapkan termasuklah rukun dan syarat jual beli. Hal ini penting agar umat Islam tidak terjebak dengan riba. Di dalam al-Quran, beberapa kali Allah SWT telah menjelaskan mengenai perihal muamalat atau lebih mudah difahami sebagai transaksi jual dan beli. Salah satunya Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

(al-Baqarah 2: 275)

Menurut al-Baidhawi, Allah menyatakan ayat tersebut kerana terdapat golongan yang menyamakan antara jual beli dan riba sedangkan ia adalah dua perkara yang berbeza. Bahkan dalam ayat yang sama Allah SWT telah mengingkari perbuatan menyamakan antara jual beli dan riba, menyamakan keduanya adalah qiyas yang batil dan menyalahi nas (Al-Baidhawi, t.th). Berdasarkan penjelasan ayat dan tafsiran di atas, dapat difahami bahawa antara batasan dalam hal jual beli menurut Islam adalah perlu menjauhi riba. Kamus dewan mendefinisikan riba sebagai orang yang meminjamkan wang dengan mengambil bunga (T.th). Atau dalam erti kata lain riba adalah bayaran semula yang lebih yang ditetapkan oleh pihak pemiutang dalam urusan pinjaman. Manakala, dalam urusan jual beli pula, Nabi SAW telah menetapkan beberapa item yang dikenali sebagai barang ribawi. Maksud sabda Nabi SAW:

Emas dijual dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, timbangan dan beratnya mesti sama, dibayar secara serta-merta (bukan bertangguh). Namun, jika jenis dan kategori barangnya berbeza, maka berjual belilah mengikut yang kamu kehendaki dengan syarat mesti dibayar secara serta-merta.

(Sahih Muslim, Hadis No: 1587)

Secara umumnya, hadis di atas telah menyatakan beberapa item yang mempunyai syarat tertentu jika dilakukan transaksi jual beli ke atasnya. Para ulama juga telah membahagikan riba jual beli kepada tiga kategori iaitu (2021):

- i. Riba al-Fadl
Iaitu riba yang terjadi disebabkan berlaku jual beli yang tidak sama kuantitinya sedangkan kedua-duanya daripada jenis barang item yang sama.
- ii. Riba al-Nasih
Iaitu riba yang berlaku disebabkan terdapat syarat penangguhan dalam penyerahan item ribawi ataupun penangguhan dalam pembayaran secara sengaja kemudian dikenakan caj tambahan.
- iii. Riba al-Yadd
Iaitu riba yang berlaku disebabkan lewat menyerahkan item ribawi walaupun tidak diletakkan syarat penangguhan.

2. Objektif Kajian

Kajian ini menyasarkan kepada objektif yang berikut:

1. Mengenalpasti instrumen *online trading* yang popular di Malaysia.
2. Mengkaji syarat jual beli item ribawi
3. Menganalisis hukum *online trading* terhadap item ribawi.

3. Metodologi Kajian

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan kualitatif kerana menurut Ahmad Sunawari Long (2014) dan Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2015) kajian kualitatif adalah lebih memfokuskan kepada fenomena yang berlaku di dalam masyarakat. Ia bertepatan dengan kajian yang penulis jalankan iaitu berkisar tentang trend *online trading* atau perdagangan atas talian yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di Malaysia (2021).



Kajian ini akan dijalankan secara kaedah kepustakaan di mana pengkaji akan menyenaraikan isu-isu berbangkit mengenai *online trading* dari sudut syariah kemudian pengkaji akan menjelaskan penyelesaian bagi isu tersebut secara deskriptif melalui pendapat para ulama muftakar berdasarkan penulisan mereka. Menurut Ahmad Sunawari Long (2014) analisis kandungan adalah antara metod yang sesuai digunakan untuk kajian berkaitan teks hadis, buku-buku agama, malah termasuk juga video ceramah-ceramah. Tambahnya lagi, reka bentuk analisis kandungan lebih memfokuskan kepada isu semasa dan fenomena pada masa tertentu.

4. Hasil dan Perbincangan Kajian

Online trading seolah-olah telah menjadi satu trend di Malaysia. Ramai yang cuba menceburi bidang tersebut terutamanya selepas terkesan dari sudut ekonomi kerana Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik Covid-19 melanda negara beberapa tahun lepas (2021). Jika dilihat fenomena *online trading* di Malaysia hari ini, terdapat beberapa instrumen yang sering didagangkan secara atas talian antaranya ialah nilai matawang, emas, aset digital, saham dan minyak kelapa sawit melalui pelbagai platform yang disediakan. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, emas dan matawang adalah antara item ribawi. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang sudut pandang Islam mengenai *online trading* terhadap item ribawi.

Item-item Ribawi

Hadis Nabi SAW secara jelas telah menyatakan item-item yang memerlukan beberapa syarat ketika melakukan transaksi jual beli ke atasnya. Maksud sabda Nabi:

Emas dijual dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, timbangan dan beratnya mesti sama, dibayar secara serta-merta (bukan bertanggung). Namun, jika jenis dan kategori barangnya berbeza, maka berjual belilah mengikut yang kamu kehendaki dengan syarat mesti dibayar secara serta-merta.

(Sahih Muslim, Hadis No: 1587)

Disebabkan item-item ini mempunyai kaedah yang khusus dalam perihal jual beli bagi mengelakkan berlakunya riba, jadi para ulama telah menamakan item-item tersebut sebagai item ribawi (2021). Berdasarkan hadis tersebut antara kategori item ribawi adalah emas, perak, barli, gandum, kurma dan garam. Secara ringkasnya, para ulama ketika mensyarahkan hadis tersebut menyatakan bahawa kebiasaannya terdapat dua perkara yang boleh melibatkan riba dalam urusan jual beli iaitu nilai mata wang dan makanan (2021). Hal ini adalah kerana emas dan perak merupakan alat pertukaran jual beli pada zaman tersebut dan manakala gandum, kurma serta garam pula merupakan makanan asasi (1415H). Oleh itu, sebahagian ulama telah mengqiyaskan matawang yang merupakan alat pertukaran jual beli zaman kini juga termasuk sebagai salah satu item ribawi.

Syarat Jual Beli Item Ribawi

Hakikatnya, melalui bacaan secara literal sahaja umat Islam sudah mampu memahami bahawa terdapatnya syarat khusus dalam proses jual beli item ribawi tersebut. Antara syarat yang ketara untuk melakukan transaksi jual beli terhadap item ribawi yang disebutkan dalam hadis baginda SAW tersebut adalah:

- i) Sama Berat Timbangan Atau Kuantiti

Timbangan dan beratnya mesti sama

(Sahih Muslim, Hadis No: 1587)

Sebelum wujudnya alat pertukaran jual beli seperti emas, perak dan matawang, masyarakat di dunia mengaplikasikan sistem barter dalam pertukaran jual beli iaitu pertukaran barang dengan barang yang sama nilai. Jadi pernyataan Nabi SAW melalui hadis di atas merangkumi semua jenis jual beli samada menggunakan alat pertukaran jual beli mahupun sistem barter. Apa yang penting adalah nilai pertukaran item ribawi itu mestilah sama dari sudut kuantiti atau timbangannya (2021).

Contohnya nilai USD1 hari ini bersamaan RM4.50, jadi pertukaran tersebut mesti dilakukan dengan nilai yang dinilaikan tersebut iaitu USD1 bersamaan RM4.50. Jika dibayar lebih atau kurang, ia termasuk dalam kategori Riba al-Fadl (2021).



- ii) Dibayar Secara Tunai
Dibayar secara serta-merta (bukan bertangguh)

(Sahih Muslim, Hadis No: 1587)

Transaksi jual beli item ribawi mesti dilakukan secara serta-merta ataupun tunai. Tidak dibolehkan untuk berhutang ketika membeli item ribawi. Maksudnya, sebagai contoh jika membeli emas dengan matawang, nilai yang telah ditetapkan bagi kuantiti emas tersebut hendaklah dibayar secara tunai bukan hutang. Selain itu, emas tersebut juga mesti didapati serta-merta dan tidak tertangguh dalam tempoh masa tertentu. Jika berlaku salah satu hutang atau penangguhan penyerahan item maka ia termasuk dalam kategori Riba al-Yadd kerana emas merupakan salah satu daripada item ribawi yang dinyatakan dalam hadis baginda SAW (2021).

- iii) Berlaku Serahan Secara Fizikal

Menurut Mufti Perlis, Mohd Asri bin Zainul Abidin (2016) selain daripada perlu bersamaan kuantiti kedua-dua item dan dilakukan transaksi secara tunai, antara syarat lain untuk melakukan transaksi jual beli item ribawi juga adalah perlu berlakunya serahan secara fizikal. Serahan item secara fizikal bermaksud jika pembeli mengeluarkan sejumlah wang untuk mendapatkan emas sebagai contoh, maka pembeli tersebut perlu mendapatkan fizikal emas tersebut samada secara hakiki ataupun hukmi (2016). Perkara ini adalah salah satu perkara terpenting yang perlu diambil kira ketika menilai hukum *online trading*.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa terdapat tiga syarat utama dalam transaksi jual beli yang melibatkan item ribawi. Syarat-syarat tersebut wajib dipenuhi bagi mengelakkan diri daripada terlibat dengan riba ketika berjual beli. Allah SWT telah memberi amaran mengenai golongan yang melibatkan diri dengan riba seolah-olah mengisytihar perang dengan Allah melalui firmanNya yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu."

(Al Baqarah: 278-279)

Online Trading Item Ribawi

Secara umumnya, individu yang melibatkan diri dengan *online trading* ini pada kebiasaannya adalah untuk mendapatkan keuntungan dalam jangka masa yang singkat. Sebagai contoh Foreign Exchange atau dikenali juga sebagai Forex, kebanyakan pedagang Forex yang melakukan Online Forex Trading hanya akan membeli matawang tertentu bertujuan untuk mendapatkan keuntungan melalui perubahan harga antara dua matawang yang berbeza dalam jangka masa yang singkat. Begitu juga dengan emas, terdapat juga syarikat yang menyediakan platform untuk individu melakukan *online trading* terhadap emas bagi tujuan yang sama.

Berdasarkan situasi sebegini, timbulnya beberapa persoalan serta keraguan dari sudut pandang keharusan syariah terhadap *online trading* ke atas item ribawi. Antaranya ialah:

- i) Tiada Serahan Secara Fizikal

Setelah meneliti beberapa platform *online trading* bagi dagangan matawang dan emas, kebanyakannya tidak menyediakan item yang didagangkan tersebut secara fizikal. Pedagang hanya menjual dan membeli berdasarkan harga yang dipaparkan di platform tersebut. Antara contoh platform yang sering digunakan di Malaysia adalah fpmarkets, Fxpro, Icmarkets, Octafx, AVATrade dan lain-lain.

- ii) Tidak Diketahui Secara Detail Sistem Sesuatu Platform

Keraguan yang seterusnya adalah sistem platform yang menyediakan perkhidmatan jual beli item ribawi secara atas talian dan tanpa serahan item secara fizikal. Apabila tiada serahan secara fizikal sesuatu item, ia menimbulkan persoalan adakah wang yang dilaburkan oleh para pedagang tersebut benar-benar digunapakai untuk membeli emas dan matawang asing atau sekadar mewujudkan persepsi terhadap para pedagang kemudian wang tersebut dimanipulasikan oleh pihak tertentu. Hal ini secara tidak langsung



telah termasuk juga dalam kategori perkara *gharar* iaitu perkara yang diragukan samada diperolehi atau tidak barangan dari hasil jual beli tersebut (2011).

iii) Tidak Diketahui Belian Dilakukan Secara Serta-Merta Atau Bertanggung

Persoalan dan keraguan yang seterusnya adalah jika sesebuah platform tersebut mempunyai keupayaan untuk membeli serta menjual emas dan matawang atau item ribawi menggunakan wang yang dilaburkan oleh para pedagang tersebut, adakah item ribawi tersebut dibeli secara tunai tanpa sebarang penangguhan? Perkara ini juga tidak dapat dikenalpasti sekalipun oleh para pelabur sendiri. Mereka meletakkan kepercayaan 100% terhadap pengurusan sesebuah platform tanpa mengambiltahu tentang sistem dibaliknya.

Selagi tiga persoalan dan keraguan utama ini tidak dapat dirungkaikan, maka status hukum *online trading* ke atas item ribawi adalah tidak patuh syariah kerana wujudnya unsur riba, *gharar* dan *maisir*. Hal ini amat bercanggah dengan prinsip muamalat dalam Islam.

9. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, item ribawi tidak boleh dijadikan instrumen *online trading* terutamanya untuk mendapatkan keuntungan dalam jangka masa yang sangat singkat kecuali jika ia dilakukan dengan serahan secara fizikal dan jual beli juga dilakukan secara telus. Hal ini penting bagi mengelakkan wujudnya unsur riba, *gharar* iaitu keraguan dan *maisir* iaitu perjudian dalam transaksi jual beli. Islam sebagai sebuah agama yang berprinsip sangat menitikberatkan ketelusan dan keadilan pada setiap perkara termasuk dalam hal muamalat kerana itu umat Islam menjauhi tiga elemen haram dalam jual beli termasuk riba. Maksud sabda Nabi SAW dalam sebuah hadis:

Jauhilah kamu daripada tujuh dosa besar ini (perkara yang membinasakan). Para sahabat bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah SAW? Rasulullah SAW bersabda: Syirik kepada Allah SWT, sihir, membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah SWT melainkan dengan kebenaran, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari peperangan dan menuduh wanita yang beriman dengan berzina”.

(Sahih Muslim, No. Hadis: 145)

Maka, umat Islam wajib memastikan setiap sumber pendapatan dan transaksi yang dilakukan adalah bebas daripada perkara-perkara yang dilarang oleh syara’.

Rujukan

- Al-Baidhawi. Nasir al-Din Abi al-Khair Abdullah bin Umar bin Muhammad al-Syairazi al-Syafie al-Baidhawi..T.th. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil (Tafsir al-Baidhawi)*. Beirut. Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (T.th). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=riba> dicapai pada 18 Julai 2023.
- Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim. (2006). *Sahih Muslim*. Dar Tayyibah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2021). Jenis-jenis Riba di Sisi Mazhab Syafie <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5078-al-kafi-1847-jenis-jenis-riba-di-sisi-mazhab-syafie> dicapai pada 18 Julai 2023.
- Majalah Labur. (2021). 6 Sebab Anak Muda Terlibat Dengan Forex Trading Online <https://www.majalahlabur.com/forex/6-sebab-anak-muda-masih-terlibat-dengan-forex-trading-online/> dicapai pada 18 Julai 2023.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: PenerbitUniversiti Kebangsaan Malaysia.
- AhmadMunawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015. *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2016). Hukum Forex Trading Online <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/119-hukum-forex-trading-online> dicapai pada 21 Julai 2023.
- Nik Rahim bin Nik Wajis & Nurliyana Shahira binti Baharli. (2021). *Perdagangan Mata Wang Atas Talian (Online Forex Trading): Kewajaran Pengharamannya Dari Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Malaysia*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibn Rusyd. Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Rsyd al-Hafid. (1415H). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Mohamad Sabri bin Haron. (2011). *Elemen Haram dalam Kewangan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ajib Ismail. (2022). *Islam Agama Syumul* <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/02/814336/islam-agama-syumul> dicapai pada 23 Julai 2023